

— “Hendaklah lebih dahulu mengaku berbohong kepada dunia luar”

# SYARAT PM TEMUI MAJLIS PEGUAM

12

Oleh  
**Zaharuddin Mohd. Ali dan  
Hanafiah Man**

**K**UALA LUMPUR 29 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau hanya akan menemui Majlis Peguam dengan syarat mereka terlebih dahulu mengakui telah berbohong kepada dunia luar mengenai apa

yang telah berlaku dalam sistem perundangan negara ini.

Perdana Menteri berkata, beliau telah menerima banyak aduan serta mempunyai bukti bahawa Majlis Peguam telah berbohong dan memburuk-burukkan sistem perundangan negara kepada orang luar.

Katanya, pembohongan ini dibuat di Amerika Syarikat, Australia, Britain dan beberapa negara lain.

“Walaupun saya ingin melihat perkara ini diselesaikan, tetapi Majlis Peguam mestilah mengakui bertanggungjawab dalam memburuk-burukkan sistem perundangan negara ini di seluruh dunia,” katanya kepada para pemberita di Lapangan Ter-

bang Subang se kembalinya dari menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Harere lewat petang ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya oleh para pemberita mengenai pertikaian Majlis Peguam dengan Ketua Hakim Negara yang berlarutan sejak tiga tahun lalu.

Pertikaian ini timbul semula apabila Majlis Peguam yang menganjurkan Persidangan Undang-Undang Malaysia baru-baru ini tidak menjemput Tun Hamid Omar ke persidangan itu, sebaliknya menjemput bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Suffian Hashim untuk merasmikannya dan sekaligus memberi ucapan dasar.

Ekoran peristiwa itu, Menteri Kehakiman, Syed Hamid Jaafar Albar menasihati Majlis

Peguam supaya menamatkan perselisihannya dengan Tun Hamid tetapi Majlis Peguam menyatakan bahawa mereka tetap berpegang kepada Resolusi 1988 Majlis itu yang mendesak supaya Tun Hamid meletakkan jawatannya sebagai Ketua Hakim Negara.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menegaskan, beliau sanggup berjumpa dengan Majlis Peguam tetapi mereka masih lagi meneruskan usaha memburuk-burukkan sistem perundangan negara ini di seluruh dunia.

Katanya, beliau pernah ditanya oleh para pemberita BBC mengenai camapurtangan

**LIHAT MUKA 2**

# SYARAT PM TEMUI MAJLIS PEGUAM

kerajaan dalam menghadapi dan beliau telah menjelaskan perkara yang sebenarnya.

"Saya telah jelaskan bahawa penyingkiran bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas dibuat mengikut perlembagaan negara tetapi Majlis Peguam cuba menyingkirkan Tun Hamid melalui prosedur penghinaan mahkamah, sedangkan tiada langsung peruntukan untuk menyingkirkan Ketua Hakim mengikut prosedur ini.

"Saya bertanya balik kepada pemberita berkenaan kenapa perkara ini tidak diambil kira dan jawabnya mereka tidak tahu," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, di negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, kerajaan sebenarnya turut memainkan peranan dalam Majlis Peguam mereka tetapi tidak di negara ini.

Perdana Menteri juga menegaskan, semasa beliau melawat Amerika Syarikat, beliau telah bertemu dengan seorang ahli Majlis Peguam Amerika yang menyatakan ada peguam-peguam negara ini yang menyebarkan pelbagai cerita bohong mengenai Malaysia di sana.

"Saya juga ada melihat beberapa artikel yang berpunca daripada tindakan Majlis Peguam ini. Saya tidak tahu sama ada Majlis Peguam ini sebuah badan politik atau badan yang bertanggungjawab menjaga kepentingan profesion guaman," kata Perdana Menteri.

Beliau menambah, tindakan Majlis Peguam itu telah menyebabkan para pelabur asing tidak yakin untuk melabur di negara ini dan tindakan mereka itu bolehlah disifatkan sebagai sengaja merosakkan ekonomi negara ini.